

UPM manfaat bakat sekuriti makanan dipuji

» Penyelidikan sektor pertanian langkah bijak tangani krisis bekalan

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Serdang

Sultana Sharafuddin Idris Shah memuji pendekatan Universiti Putra Malaysia (UPM) memanfaatkan bakat yang ada dalam sekuriti makanan termasuk penyelidikan dalam bidang pertanian bagi menghadapi krisis makanan yang amat dibim-

bangkan dunia.

Sultan Selangor bertitah, usaha itu adalah langkah bijak yang jelas menunjukkan kredibiliti UPM dalam berdepan apa saja cabaran melanda dunia sekarang.

"Usaha memanfaatkan bakat untuk sekuriti makanan yang berobjektif meningkatkan kualiti proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang pertanian akan memberi impak besar kepada negara," titah baginda.

Sokong bentuk rekayasa UPM
Sultan Sharafuddin turut menyokong penuh usaha yang membentuk rekayasa UPM, iaitu penerapan unsur ilmu, budaya dan sebagainya dalam perancangan untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian Kebangsaan dan Antarabangsa (Pusat Sekuriti Makanan).



Dari kiri, atlet hoki, Mohd Razie Abd Rahim; atlet wushu, Chai Fong Ying dan Chai Fong Wei serta atlet memanah, Cheng Chu Sian menerima ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen Ke-38 UPM di Serdang, semalam.

Baginda yang juga Canselor UPM bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen ke-38 UPM Sesi 3, di universiti berkenaan, semalam.

Pada majlis itu, Sultan Selangor berkenan menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus UPM kepada Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Prof Dr Zakariah Abdul Rashid dan pakar ekonomi pertanian UPM, Dr Md Ariff Hussein.

Dua tokoh terbabit antara 6,116 graduan, membabitkan 391 gra-

duan ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana (2,123), ijazah sarjana muda (3,380) dan diploma (222).

Sultan Selangor bertitah, rekayasa terbabit akan membantu meningkatkan sekuriti dan stok makanan negara, namun yang paling penting, meredakan kegusaran masyarakat dalam menghadapi krisis makanan global.

Baginda juga bangga dengan langkah Fakulti Pertanian UPM melaksanakan Program Inkubasi Usahawan Tani sejak tahun 2012

dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta, yang disifatkan sebagai tepat pada masanya dalam usaha membuka peluang kerjaya dalam bidang pertanian.

"Beta difahamkan usaha ini berjaya melahirkan 59 usahawan berasaskan pertanian. Inilah manifestasi universiti yang meneati kehendak semasa masyarakat dan memberi sumbangan kepada keluasan pasaran kerjaya terutama dalam bidang pertanian," titah baginda.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]